

**TM, Hotel Grand Alora Meterai MoU Tingkat Pengalaman Penginapan Tetamu
Bernama
Jun 26, 2014**

ALOR SETAR, 26 Jun (Bernama) -- Telekom Malaysia Berhad (TM) pada khamis menandatangani perjanjian perkhidmatan dan Memorandum Persefahaman dengan Hotel Grand Alora, bagi menyediakan penyelesaian hospitaliti hiburan menggunakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi.

Menerusi perjanjian itu, TM akan menyediakan perkhidmatan pakej teknologi maklumat dan komunikasi serta hiburan TM terkini yang lengkap dengan penyelesaian jalur lebar (IBS), perkhidmatan video Televisyen Protokol Internet (IPTV) IPTV TM-HyppTV dan perkhidmatan Pusat Panggilan yang disambungkan melalui rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) TM.

Pada majlis pemeteraian perjanjian berkenaan, TM diwakili Pengurus Besar Negeri Kedah/Perlis Noor Lela Baba dan Pengurus SME Kedah/Perlis, B.Kesavan, manakala Hotel Grand Alora diwakili Pengarah Urusannya Peh Lian Hwa dan Pengurus Besar Hotel Grand Alora NK Raja Nagoo.

Noor Lela berkata perjanjian kerjasama itu adalah langkah terbaik bagi mewujudkan sinergi yang erat antara TM dan pihak hotel dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam bidang industri hospitaliti.

"Perjanjian ini merupakan penyelesaian komprehensif untuk mempertingkatkan pengalaman tetamu hotel kerana ia menyediakan akses Internet Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi yang menyambungkan hiburan bertaraf dunia melalui HyppTV, pusat panggilan 24/7 dan khidmat sokongan pelanggan.

"Ini merupakan kerjasama pertama TM bagi kawasan Kedah/Perlis, dan Hotel Grand Alora merupakan hotel pertama di Kedah yang melanggan Penyelesaian Hospitaliti Hiburan itu dan menjadi perintis di negeri ini dalam menyediakan perkhidmatan seumpama ini untuk tetamu hotel mereka," kata Noor Lela.

Beliau berkata penyelesaian ini disasarkan kepada syarikat yang terlibat dalam industri hospitaliti seperti perniagaan hotel, pengusaha resort, hospital, pangsapuri, kondominium dan bangunan dengan jumlah penghuni yang ramai dan memerlukan akses Internet tanpa gangguan.

"Syarikat ini boleh memilih sehingga 65 saluran HyppTV daripada himpunan saluran untuk tetamu mereka, termasuk sembilan saluran Free To Air dan 56 saluran premium," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049592>